

Headline	Redah bahang El Nino kaji hutan tropika		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	25 Apr 2016	Circulation	1,270,667
Section	Setempat	Readership	3,812,000
Page No	6	ArticleSize	175 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 6,868
Journalist	N/A	PR Value	RM 20,604
Frequency	Daily		



Redah bahang El Nino kaji hutan tropika

Jempol: Fenomena El Nino tidak menghalang dua profesor dan 14 penuntut Universiti Toronto, Kanada berada di negara ini selama dua minggu bagi menjalankan kajian dan penyelidikan mengenai hutan hujan tropika.

Difahamkan, mereka dari Fakulti Perhutanan universiti berkenaan akan menjalankan kajian di Stesen Penyelidikan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Pasoh, dekat sini.

Timbalan Pengarah Fakulti itu, Prof Sean C Thomas berkata, mereka berada di negara ini selama dua minggu, termasuk Sandakan, Sabah bagi menjalankan kajian perhutanan.

"Sepanjang seminggu kami akan menjalankan kajian di Stesen Penyelidikan FRIM Pasoh dengan kerjasama institut berkenaan. Minggu depan, kami akan ke-



PELAJAR tak lepas peluang kacau dodol ketika lawatan ke kampung.

Sandakan untuk kajian di hutan di sana pula.

"Meskipun terkesan dengan cuaca yang agak panas akibat fenomena El Nino, namun kami tetap bersemangat untuk mengadakan kajian selain menyertai pelbagai aktiviti bersama pen-

duduk kampung sebagai sebahagian daripada program yang dirancang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada lawatan di Kampung Bayai Lama, di sini, semalam.

Ketika sesi lawatan itu, apa yang menariknya me-

reka diberi peluang merasai kehidupan penduduk dan mempelajari adat resam penduduk termasuk mengacau dodol dan menoreh getah.

Katanya, biarpun berada di kampung berkenaan setengah hari, namun pengalaman yang diperoleh sangat berharga dan sukar dilupakan.

Sementara itu, Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Ali Yusup berkata, kehadiran pensyarah dan penuntut universiti berkenaan bakal menaikkan nama kampung itu dan menarik kehadiran lebih ramai pengunjung.

Menurutnya, penduduk kampung sentiasa mengalu-alukan kehadiran pengunjung terutama dari luar negara bagi melihat sendiri kehidupan penduduk se-tempat.